



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 Mei 2021**  
**16 Syawal 1442H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	•
<b>Harian Metro</b>	•
<b>Kosmo !</b>	•
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• MAFI galak usaha penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat (Online)</li><li>• Imbangi Keperluan Rakyat</li></ul>
<b>The Star</b>	•
<b>New Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>Harakah</b>	•
<b>Malaysia Dateline</b>	•
<b>Bernamea</b>	•
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sin Chew Daily</b>	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		Online	28/05/2021

## MAFI GALAK USAHA PENYELIDIKAN SELARAS DENGAN KEPERLUAN RAKYAT



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan usaha penyelidikan diteruskan bagi memperkasakan hasil-hasil penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat dan industri agromakanan di Malaysia.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penyelidikan mampu mengimbangi keperluan semasa dan menyumbang kepada pemeraksanaan industri secara keseluruhannya.

Menurutnya, sektor perikanan adalah antara bidang keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia.

“Ia menjadi lebih penting dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kelancaran rantaian makanan dan sekuriti makanan negara terutama pengeluaran hasil laut yang merupakan salah satu sumber protein bagi rakyat.

“Semua sedia maklum, sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan telah diletakkan di bawah perkhidmatan perlu (essential services) dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

“Kita masih belum bebas daripada ancaman Covid-19. Kita mesti terus memastikan kelancaran rantaian bekalan dan jaminan makanan yang mencukupi serta stabil untuk rakyat dalam apa juga keadaan,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 adalah platform penting bagi mengetengahkan data-data dan hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan penyelidik dalam industri perikanan negara.

Menurutnya, seminar bertemakan ‘Realisasi R&D Ke Arah Pembangunan Holistik Perikanan’ diadakan secara maya, anjuran Jabatan Perikanan (DOF) menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) pada Khamis.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14	28/05/2021

# Imbangi keperluan rakyat

MAFI galak usaha penyelidikan diteruskan, jamin makanan mencukupi

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN


KUALA LUMPUR

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan usaha penyelidikan diteruskan bagi memperkasakan hasil-hasil penyelidikan selaras dengan keperluan rakyat dan industri agromakanan di Malaysia.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawati berkata, penyelidikan mampu mengimbangi keperluan semasa dan menyumbang kepada pemerkasakan industri secara keseluruhannya.

Menurutnya, sektor perikanan adalah antara bidang keutamaan dalam industri agromakanan di Malaysia.

"Ia menjadi lebih penting dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan kelancaran rantaian makanan dan sekuriti makanan negara terutama



Tangkap layar Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 pada Khamis.

pengeluaran hasil laut.

"Semua sedia maklum, sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan telah diletakkan di bawah perkhidmatan perlu (essential services) dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

"Kita masih belum bebas daripada ancaman Covid-19. Kita mesti terus memastikan kelancaran rantaian bekalan dan jaminan makanan yang mencukupi serta stabil untuk rakyat dalam apa juga keadaan," katanya da-

lam kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Seminar Penyelidikan Perikanan 2021 adalah platform penting bagi mengentengahkan data-data dan hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan penyelidikan dalam industri perikanan negara.

Menurutnya, seminar bertemakan 'Realisasi R&D Ke Arah Pembangunan Holistik Perikanan' diadakan secara maya, anjuran Jabatan Perikanan (DOF) menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) pada Khamis.